

May 2017 subject reports

Malay ab initio

Overall grade boundaries

Standard level

Grade: 1 2 3 4 5 6 7

Mark range: 0 - 11 12 - 23 24 - 39 40 - 53 54 - 66 67 - 81 82 - 100

Standard level internal assessment

Component grade boundaries

Grade: 1 2 3 4 5 6 7

Mark range: 0-3 4-7 8-11 12-15 16-18 19-21 22-25

Jangkauan dan kesesuaian tugasan yang dihantar

Secara keseluruhannya pencapaian pelajar dalam ujian bertutur adalah memuaskan. Pelajar didapati dapat membincangkan dengan baik terhadap bahan ransangan yang diberikan. Bahan ransangan untuk pelajar bualkan amat penting untuk menilai sejauh mana mereka menguasai pengetahuan berkaitan budaya yang terkandung dalam bahasa sasaran yang dipelajari. Terdapat pusat-pusat tertentu yang dapat melatih dan mengajar pelajar mereka dengan cemerlang dan penguasaan bahasa dan pengetahuan budaya terhadap bahasa sasaran erlaku

dengan baik sekali. Pelajar-pelajar yang cemerlang ini dapat menggunakan bahasa Melayu dengan santun dengan kepelbagaian penggunaan kata dan ayat.

Prestasi calon terhadap setiap kriteria

Kriteria A

Bahagian ini akan membincangkan pencapaian pelajar dari tiga aspek utama iaitu sebutan pelajar dan intonasi memudahkan pemahaman mesej, penggunaan perbendaharaan kata yang menunjukkan pemahaman mesej dan penggunaan tatabahasa yang menunjukkan pemahaman mesej. Aspek sebutan pelajar dan intonasi memudahkan pemahaman mesej ini menunujukkan prestasi yang sederhana baik. Rata-rata sebutan dan intonasi yang digunakan secara umumnya memudahkan pemahaman terhadap mesej. Jelas didapati pelbagai perbendaharaan kata yang digunakan adalah berbeza-beza. Para pelajar juga menggunakan struktur tatabahasa yang asas dan tidak kompleks dengan agak tepat. Namun demikian terdapat juga para pelajar yang menunjukan pretasi yang baik. Mereka ini dengan jelas menunjukkan pancapaian sebutan dan intonasi yang memudahkan pemahaman mesej, penggunaan perbendaharaan kata mereka juga menunjukkan pemahaman mesej dan penggunaan tatabahasa yang pelbagai turut menunjukkan pemahaman mesej.


Kriteria B

Bahagian ini juga membincangkan tiga aspek iaitu kemampuan untuk memahami perbualan mudah, keupayaan untuk menjawab dengan wajar dan keupayaan mengekalkan perbualan. Untuk bahagian ini terdapat pencapian yang berbeza dalam kalangan para pelajar. Mereka ini hanya kadang-kala sahaja mampu memberi respond dalam bahasa sasaran dengan kefahaman. Maklumat yang mereka kemukakan juga hanya kadang-kala sahaja sesuai dan rata-rata memberi jawapan yang tidak menunjukkan mereka adalah pada tahap usia remaja. Namun demikian, mereka masih boleh mengekalkan perbualan tetapi soalan-soalan perlu diulang dan diubah suai. Untuk bahagian ini juga ada dalam kalangan pelajar yang berupaya memberi respond dengan jelas dalam bahasa sasaran yang digunakan. Mereka juga mengemukakan maklumat yang sesuai dan terperinci serta bersesuaian dengan tahap usia mereka. Mereka juga berupaya memberi sumbangan yang bermakna dalam perbualan. Mereka ini berjaya mempamerkan kemampuan untuk memahami perbualan mudah dan mengemukan situasi perbualan yang menarik. Selanjutnya, mereka ini juga berusaha untuk menjawab dengan wajar dan memberi fakta-fakta yang bersesuai dengan tahap usia mereka. Pengekalan perbualan berlangsung dengan baik dan tiada unsur kebosanan antara dua pihak yang berbual.

Saranan dan panduan pengajaran bagi calon masa hadapan

Panduan aktiviti-aktiviti yang bersesuaian:

- Main peranan
- Simulasi
- Lengkapkan informasi
- Sumbang saran
- Bercerita



- Temubual
- Pertandingan bercerita
- Melaporkan berita
- Penerangan gambar
- Penceritaan gambar

Panduan kepada pengajaran guru:

- Memberi peluang maksimum kepada pelajar untuk bercakap dalam bahasa sasaran dengan menyediakan persekitaran yang kaya dengan aktiviti gerak kerja kolaboratif.
- Tunjukkan tanda positif apabila mengulas tindak balas pelajar.
- Tanyakan pertanyaan seperti "Apa maksud anda? Bagaimana anda mencapai kesimpulan itu?" Untuk mendorong pelajar untuk bercakap lebih banyak.
- Amalkan pujian. Memberi maklum balas bertulis seperti "Pembentangan anda benarbenar hebat, ia adalah kerja yang baik Saya amat menghargai usaha anda dalam menyediakan bahan-bahan dan penggunaan suara anda yang mantap ..."
- Melibatkan aktiviti bertutur bukan sahaja di dalam kelas tetapi juga di luar kelas;
 Hubungi ibu bapa dan orang lain yang boleh membantu.
- Mengesan masalah yang dihadapi oleh pelajar yang mengalami kesukaran untuk menyatakan diri mereka dalam bahasa sasaran dan memberi lebih banyak peluang untuk mengamalkan bahasa lisan.


Standard level written assignment

Component grade boundaries

Grade:	1	2	3	4	5	6	1
Mark range:	0 - 3	4 - 6	7 - 9	10 - 12	13 - 14	15 - 17	18 - 20

Jangkauan dan kesesuaian tugasan yang dihantar

Secara amnya tugasan bertulis yang dihantar oleh para calon adalah baik dan mencapai standard yang ditetapkan. Tajuk-tajuk tugasan yang calon kemukakan adalah menarik dan mencapai falsafah Program IB Baccalaureate iaitu memupuk pemikiran-antarabangsa dan pemahaman antara budaya. Pemilihan budaya bahasa sasaran yang dipelajari adalah pelbagai dan dibandingkan dengan baik dengan budaya pelajar sendiri. Fakta-fakta yang dikemukakan adalah berinformasi dan menarik serta menunjukkan kematangan pelajar pada aras usia antara 16 – 19 tahun. Selain itu, para pelajar dapat membuat refleksi dengan baik terhadap perbandingan budaya yang dilakukan. Keupayaan membuat refleksi ini mengambarkan pelajar fahami kedua-dua budaya yang dibandingkan. Namun demikian, masih terdapat ruang untuk memperbaiki kualiti tugasan bertulis ini terutama sekali dari aspek kesahihan maklumat yang diperoleh dalam talian yang digunakan dalam tugasan. Fakta yang digunakan dalam beberapa



tugasan adalah tidak tepat. Hal ini disebabkan oleh fakta-fakta tersebut diperoleh daripada sumber yang kurang sahih. Oleh kerana tugasan bertulis ini adalah juga merupakan sebahagian daripada latihan untuk pelajar membuat penyelidikan maka adalah lebih wajar jika mereka dilatih untuk memperoleh fakta yang sahih bagi tugasan mereka. Namun demikian terdapat dalam kalangan pelajar yang menghasilkan tugasan dengan baik. Mereka dapat menghuraikan maklumat dengan gaya yang menarik dan melakukan perbandingan dengan teliti serta mempamerkan kematangan mereka dalam menghuraikan maklumat.

Prestasi calon terhadap setiap kriteria

Kriteria A

Para pelajar dapat mengemukakan fakta-fakta yang relaven berkaitan bahasa Melayu yang diselidiki dalam huraian tugasan yang mereka kemukakan. Fakta-fakta berkaitan makanan, adat-istiadat dan aktiviti remaja merupakan antara maklumat yang banyak diselidiki oleh para pelajar. Namun demikian kesahihan fakta yang pelajar kemukakan perlu diberikan perhatian dan boleh ditingkatkan lagi pada masa hadapan.

Kriteria B

Perbandingan antara budaya yang dikemukakan oleh para pelajar adalah baik dan menarik sekali. Mereka mengupas perbezaan dan persamaan antara budaya dengan konsisten, jelas dan nyata. Perbandingan antara budaya disentuh dari pelbagai aspek seperti keagamaan, amalan harian, adat istiadat dan pantang larang. Kematangan para pelajar dapat dilihat dengan jelas melalui perbandingan ini.

Kriteria C, D, E

Bahagian refleksi ini adalah berdasarkan hasil gabungan pemerhatian terhadap refleksi yang dibuat untuk Soalan 1, Soalan 2 dan Soalan 3. Majoriti para pelajar menjawab Soalan 2. Ratarata refleksi yang pelajar kemukakan amat berkaitan dengan tugasan yang mereka kemukakan. Ada dalam kalangan pelajar yang menjurus membuat refleksi dengan dikaitkan dengan kehidupan seharian mereka seperti rasa terkejut melihat pertentangan amalan mengkebumikan jenazah dan pelbagai lagi. Mereka juga dapat menjelaskan dengan baik punca berlakunya pertentangan ini. Penerangan berkaitan punca berlakunya sesuatu persamaan dan perbezaan antara budaya ini mampu menunjukkan kematangan pelajar pada tahap usia mereka.

Kriteria F

Penggunaan bahasa adalah baik dan jelas serta dengan komunikasi yang lancar. Kepelbagaian keindahan bahasa juga diselitkan dalam penulisan tugasan ini. Ada dalam kalangan pelajar mengunakkan golongan kata yang pelbagai dalam menyampaikan tugasan mereka. Mereka juga menggunakan pelbagai jenis ayat kompleks dengan menggunakan pelbagai kata hubung dan kata tugas.



Kriteria G

Penyampaian tugasan pelajar adalah kemas dan mematuhi format yang ditetapkan. Fakta-fakta terhadap tugasan disokong dengan sumber-sumber yang disertakan bersama dengan penyerahan tugasan pelajar. Penulisan bibliografi adalah mengikut format standard bagi setiap bahan rujukan yang dibekalkan. Naun demikian terdapat segelintir tugasan yang tidak disertai oleh bukti sumber bahan rujukan.

Standard level paper one

Component grade boundaries

Grade:	1	2	3	4	5	6	7
Mark range:	0 - 5	6 - 10	11 - 17	18 - 22	23 - 28	29 - 33	34 - 40

Bidang program dan peperiksaan yang kelihatan payah bagi calon

Peperiksaan pada kali ini mengemukakan empat teks yang mencakupi bidang Persekitaran Bandar dan Luar Bandar, dan Kerja dan Santai, Individu dan Masyarakat. Topik yang dikemukakan pula adalah Percutian, Makanan dan Minuman, Kesihatan tubuh badan, Geografi Fizikal dan Isu Global. Berdasarkan keempat-empat teks, prestasi pelajar menjawab adalah berbeza-beza. Kepayahan yang dihadapi oleh para pelajar tidak bergantung kepada tema dan topik teks tersebut. Kepayah para pelajar adalah dikesan berdasarkan keupayaan tatabahasa mereka. Para pelajar didapati lemah dalam soalan-soalan yang berkaitan dengan mengenal pasti kata ganti diri. Kebanyakkan pelajar sukar tidak dapat menjawab soalan apabila ditanya berkaitan kata ganti diri orang kedua dan kata ganti diri orang ketiga. Para pelajar mengalami masalah mengenal pasti kata ganti diri ketiga "nya", "mereka" dan "beliau". Selain itu, mereka juga lemah dalam mengenal pasti kata ganti tunjuk "ini". Selain mengalami kesukaran menjawab soalan tatabahasa berkaitan kata ganti nama, kepayahan yang selanjutnya adalah kesukaran menjawab soalan tatabahasa dari aspek kata seerti atau sinonim. Para pelajar tidak dapat menjawab perkataan sinonim untuk perkataan yang amat mudah seperti "berat", "sejuk" dan "manis". Para pelajar paling lemah dalam menjawab soalan yang memerlukan mereka membaca imbas untuk mengenal pasti maklumat tertentu. Majoriti pelajar termasuk pelajar yang cemerlang membuat kesilapan di bahagian ini. Soalan tersebut adalah soalan 28 hingga soalan 31. Para pelajar bukan sahaja gagal mengenal pasti sama ada sesuatu pernyataan itu benar atau palsu tetapi mereka juga gagal memberi justifikasi yang tepat.



Bidang program dan peperiksaan yang menunjukkan persediaan yang dibuat oleh calon baik

Para pelajar dilihat bersedia menjawab soalan dari aspek pemahaman teks. Mereka boleh menjawab soalan dengan baik bagi kemahiran memahami teks secara keseluruhan. Contohnya kebanyakkan pelajar dapat jawab dengan baik soalan-soalan pemahaman teks melalui soalan-soalan aneka piliha untuk teks yang pertama. Selain soalan itu, para pelajar juga dapat menjawab dengan cemerlang adalah solan-soalan untuk Teks C. Soalan-soalan tersebut meminta pelajar menjelaskan perkataan dan frasa daripada konteks. Mereka juga didapati bersedia dari aspek memahami ciri-ciri struktur sesuatu teks iaitu menjawab dengan baik untuk soalan-soalan mengisi tempat kosong. Para pelajar bersedia degan baik dari aspek membaca dan memahami teks untuk mendapatkan maklumat yang tertentu.

Kekuatan dan kelemahan calon dalam menangani setiap soalan

Soalan 2

Kekuatan – mengetahui makna kata tanya "di mana" menyebabkan pelajar dapat kenal pasti jawapan dengan betul

Soalan 3

Kekuatan – mengetahui makna kata tanya "pukul berapa" menyebabkan pelajar dapat kenal pasti jawapan dengan betul

Soalan 4

Kelemahan – pelajar tidak memahami kata kunci "sarapan" maka mereka tidak dapat kenal pasti jawapan

Soalan 5

Kelemahan – pelajar yang lemah walaupun faham kehendak kata kunci soalan tetapi keliru dengan nama-nama tempat sebagai pilihan jawapan.

Soalan 6-7

Kelemahan – pelajar tidak dapat mencari jawapan apabila diminta mengenal pasti definisi perkataan dalam konteks

Soalan 8-9

Kekuatan – pelajar dapat mengenal pasti jawapan kepada soalan kefahaman berdasarkan teks dan mengemukan dengan menyalin jawapan dengan tepat.



Soalan 10

Kelemahan – pelajar hanya menjawab sebahagian sahaja jawapan sedangkan jawapan memerlukan kedua-dua perasaan pelajar iaitu "letih" dan "gembira"

Soalan 11-12

Kekuatan – pelajar dapat menyaring maklumat yang benar berkaitan teks

Soalan 13-15

Kelemahan – pelajar lemah dalam tatabahasa dan gagal mengenal pasti perkataan sinonim

Soalan 16-18

Kekuatan – pelajar dapat megenal pasti dengan baik ringkasan perenggan dengan perenggan yang dimaksudkan

Soalan 19

Kekuatan – pelajar dapat mengenal pasti dengan baik pernyataan yang benar menjelaskan perenggan

Soalan 20-22

Kekuatan – pelajar dapat mengenalpasti dengan baik bahagian pertama ayat dengan ayat yang terkandungan dalam teks

Soalan 23-27

Kekuatan – pelajar dapat memilih perkataan yang sesuai bagi mengisi tempat kosong yang disediakan, mereka dapat mengetahui ciri-ciri struktur teks dengan baik

Soalan 28-31

Kelemahan – para pelajar tidak dapat memastikan sama ada ayat pernyataan yang diberikan adalah benar atau palsu, apabila mereka gagal mengenal pasti ayat itu benar atau palsu maka justifikasi yang diberikan adalah salah

Soalan 32-34

Kelemahan – para pelajar tidak menguasai tatabahasa dengan baik, ramai pelajar tidak dapat jawab soalan berkaitan kata ganti nama diri ketiga

Soalan 35

Kelemahan – pelajar tidak dapat mengenal pasti senarai isi penting yang terdapat dalam teks



Saranan dan panduan pengajaran bagi calon masa hadapan

Guru sebaiknya fokuskan kepada pengajaran tatabahasa berdasarkan konteks. Perlu beri perhatian yang khusus kepada pengajaran golongan kata terutamanya perkataan sinonim. Pengetahuan pelajar terhadap perkataan sinonim ini akan memperkayakan kosa kata para pelajar secara sekali gus meningkatkan penguasaan bahasa pelajar. Selain itu perhatian yang khusus diperlukan untuk penguasaan terhadap penggunaan kata ganti diri.

Panduan kepada guru:

- Permaidani makna guru boleh mencipta permaidani yang mempunyai pelbagai makna dan suruh murid susun makna perkataan seerti.
- Timbunan perkataan pelajar diminta menyusun makna sinonim bagi perkataan yang ditimbunkan

Standard level paper two

Component grade boundaries

Grade:	1	2	3	4	5	6	7
Mark range:	0 - 1	2 - 3	4 - 6	7 - 10	11 - 13	14 - 18	19 - 25

Bidang program dan peperiksaan yang kelihatan payah bagi calon

Pemilihan soalan bagi Bahagian A adalah seimbang. Kedua-dua soalan 1 dan soalan 2 dpilih oleh para pelajar dengan sama banyak. Para pelajar dapat mengemukakan isi-isi yang diperlukan. Namun demikian para pelajar secara umumnya tidak memahami cara menulis nota ucapan terima kasih. Hasilnya nota yang dibuat formatnya adalah tidak tepat. Mereka dilihat dapat menulis emel dengan baik bagi soalan 1. Penyampaian isi juga kurang berkesan kerana penguasaan tatabahasa yang amat lemah. Oleh yang demikian terdapat segelintir pelajar menulis dalam bentuk ayat-ayat yang tidak difahami.

Dalam bahagian B majoriti calon memilih soalan 5 dan amat jarang sekali yang memilih soalan 3 dan soalan 4. Soalan 5 memerlukan pelajar menulis diari merupakan tajuk yang lebih mudah berbanding dengan soalan 3 dan soalan 4 yang berbentuk fakta dan berformat. Para pelajar yang memilih soalan 3 iaitu soalan menulis ucapan calon presiden peringkat sekolah kebanyakkan mereka dapat markah yang agak rendah kerana gagal mengemukakan format penulisan ucapan dan mereka tidak arif berkaitan peranan presiden peringkat sekolah. Soalan 4 pula memerlukan pelajar menulis risalah berkaitan lawatan yang akan diadakah. Pelajar yang memilih soalan ini turut mendapat markah yang rendah kerana mereka keliru dan menulis surat jemputan bukannya risalah.



Majoriti para pelajar menjawab dengan terlalu panjang. Bagi Bahagian A, majoriti pelajar menulis lebih daripada 150 patah perkataan walaupun asalnya bahagian ini hanya memerlukan mereka sekuarang-kurangnya 50 patah perkataan. Ada ketikanya tidak seimbang apabila panjang penulisan Bahagian A dan Bahagian B adalah hampir sama panjang. Terdapat juga penulisan Bahagian B yang menjadi meleret-leret dengan isi yang sama apabila pelajar menulis hampir 200 patah perkataan.

Bidang program dan peperiksaan yang menunjukkan persediaan yang dibuat oleh calon baik

Pelajar didapati bersedia untuk menulis karangan yang berbentuk tidak formal dan tidak berformat. Para pelajar dapat menulis dengan jayanya karangan ini kerana ia lebih dekat dengan kehidupan seharian pelajar. Soalan 1, bahagian A terutama sangat mudah bagi pelajar untuk menjawabnya begitu juga dengan soalan 5, Bahagian B. Penulisan surat kiriman tidak rasmi dan diari ini disampaikan oleh pelajar berdasarkan pengalaman harian mereka. Pengalaman harian pelajar sangat penting bagi membantu mereka menulis dengan baik.

Kekuatan dan kelemahan calon dalam menangani setiap soalan

Bahagian A

Soalan 1: Pelajar-pelajar yang menjawab soalan ini dapat menulis dengan baik format emel yang ditetapkan. Mereka juga dapat memberikan maklumat dengan baik berkaitan kehendak soalan dari aspek bila rakan mereka boleh dating melawat, aktiviti yang dirancangkan pada hujung minggu dan cara untuk rakannya datang ke rumah beliau. Namun demikian tidak ramai dapat memberikan sumbangan yang bernas berkaitan mengapa lawatan itu dialu-alukan.

Soalan 2: Pelajar dapat menjawab soalan ini dengan baik. Mereka berupaya menyatakan barangan yang dibeli dengan wang pemberian datuk dan nenek mereka serta dapat menjelaskan dengan rupa bentuk adiah yang dibeli. Namun demikian mereka tidak memahami konsep penulis nota.

Bahagian B

Soalan 3: Tidak ramai pelajar yang menjawab soalan ini. Para pelajar yang menjawab soalan ini mendapat markah yang rendah kerana tidak mampu menulis format teks ucapan dan tidak mempunyai idea yang bernas sebagai presiden sekolah.

Soalan 4: Soalan ini juga tidak ramai pelajar yang menjawabnya juga. Para pelajar yang menjawab soalan ini mendapat markah yang sangat rendah kerana mereka tidak memahami maksud risalah. Mereka telah menulis surat jemputan. Oleh yang demikian gagal memgemukakan isi-isi yang berbentuk informasi untuk kemudahan tetamu memahami keadaan sepanjang lawatan dan kemudahan yang disediakan. Sebaliknya, lebih banyak mengemukakan berkaitan keistimewaan tempat-tempat menarik.

Soalan 5: Majoriti para pelajar menjawab soalan. Kebanyakkan pelajar dapat menulis dengan baik dan mereka mengaitkan dengan pengalaman harian mereka. Refleksi yang mereka



kemukakan juga adalah baik dan jelas menunjukkan penyesalan kerana tindakan tidak mengulang kaji dengan baik.

Saranan dan panduan pengajaran bagi calon masa hadapan

Pemilihan soalan dalam bahagian A dan B adalah satu strategi. Pada hari peperiksaan pilihan ini tidak seharusnya bergantung pada keutamaan atau minat pelajar dalam sesuatu topik tetapi pengetahuan tentang struktur leksikal dan tatabahasa yang membolehkan mereka menulis mesej dengan berkesan perlu menjadi pertimbangan utama.

Calon harus menganalisis soalan sebelum membuat pilihan. Adakah mereka mempunyai perbendaharaan kata yang mantap untuk menulis topik itu? Adakah mereka memahami semua elemen dalam soalan? Adakah mereka tahu ciri-ciri jenis teks yang diperlukan? Ketepatan bahasa (dalam kedua-dua struktur asas dan lebih kompleks) mesti ditekankan. Leksikal menunjukkan perbandingan dan pernyataan mantap untuk refelksi perlu dimantapkan.

